

Membaca

Baca bahan grafik yang diberikan dengan telitinya. Kemudian, lengkapkan aktiviti SP 2.2.3

SEKTOR PERINDUSTRIAN DI MALAYSIA

Kepentingan Sektor Perindustrian

- Membuka peluang pekerjaan kepada rakyat
- Meningkatkan ekonomi negara
- Menghasilkan pelbagai jenis barang keperluan



Tahukah anda?

Sektor perindustrian menyumbang hampir 87% terhadap eksport negara pada tahun 2024.

Grafik menunjukkan (1) _____.

Sektor perindustrian dapat (2) _____.

Hal ini dikatakan demikian kerana kewujudan kilang-kilang pembuatan di negara ini menawarkan pelbagai peluang pekerjaan kepada penduduk. Selain

itu, bidang ini mampu (3) _____.

melalui aktiviti pengeksporan produk industri. Contohnya, sektor perindustrian di negara ini menyumbang hampir 87% terhadap eksport negara pada tahun 2024. Bidang ini juga berupaya untuk

(4) _____.

bagi kegunaan penduduk tempatan. Barangan seperti makanan yang diproses, produk automotif, dan perabot kini boleh dihasilkan dalam negara tanpa perlu bergantung pada barangan import. Tuntasnya, sektor perindustrian perlu diperkukuh demi kepentingan masyarakat dan negara.

Kamus Mini

1. perindustrian – aktiviti yang berkaitan pengeluaran barangan dalam jumlah yang banyak, biasanya melalui penggunaan teknologi dan mesin
2. pembuatan – proses mencipta atau menghasilkan barang daripada bahan mentah
3. eksport – perbuatan menghantar atau mengirim barang-barang dagangan ke luar negara
4. automotif – berkaitan kenderaan bermotor, termasuk reka bentuk, pengeluaran, dan penjualannya